

**SOALAN NO. : NO. 405**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN** : BUKAN LISAN

**DARIPADA** : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH  
[ KUALA TERENGGANU ]

**SOALAN** :

**Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jenis projek yang telah diluluskan kepada Syarikat Samsung di Teluk Kalong, Terengganu dan adakah kelulusan EIA diperoleh.

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Samsung Engineering Co. Ltd. telah dilantik oleh Petronas Carigali Sdn. Bhd. sebagai *onshore contractor* bagi kemudahan Terengganu Gas Terminal (TGAST) di Kerteh. Cadangan projek *Evacuation Of North Malay-Basin (EVA-NMB) Gas Delivery System (ENGDS)* oleh Petronas Carigali Sdn. Bhd. telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 15 Februari 2013.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN  
RAJA AHMAD  
[ KUALA TERENGGANU ]

**SOALAN :-**

**Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD [ KUALA TERENGGANU ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan setelah aduan pembinaan fasa pertama bangunan Pasar Cabang Tiga Kuala Terengganu di atas sungai hiliran pada Kementerian melalui sesi Parlimen pada awal 2014, apakah langkah-langkah kementerian untuk pihak berkenaan mengkaji semula pembinaan fasa kedua dan seterusnya yang akan juga melanggar garis panduan dan keperluan Kementerian.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Pasar Baru Cabang Tiga (PBCT) sebenarnya adalah projek Lembaga Tabung Amanah Warisan di bawah Kerajaan Negeri Terengganu. Proses **kelulusan projek dan penguatkuasaan** pula berada di bawah **tanggungjawab dan bidang kuasa penuh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)**.

Berdasarkan maklumat yang diterima Kementerian daripada MBKT, fasa pertama projek pembinaan PBCT telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa "*One Stop Center*" (OSC) dan telah diluluskan dengan syarat pada 2 Jun 2010. Kelulusan pelan bangunan telah dikeluarkan pada 21 Jun 2011 setelah semua syarat jabatan teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Kesihatan Daerah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran dipatuhi.

Pihak MBKT juga memaklumkan tiada '*stop work order*' yang akan dikenakan oleh pihaknya memandangkan projek tersebut telah diluluskan oleh Majlis secara keseluruhannya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014